

19/08/2001

Karnival udara pikat 80,000 pengunjung

MELAKA: Karnival Udara Antarabangsa Melaka 2001 di Lapangan Terbang Batu Berendam di sini selama tiga hari yang bermula kelmarin, dijangka mampu menarik lebih 80,000 pengunjung.

Ini kerana pengunjung berpeluang menyaksikan pameran 66 pesawat pelbagai model, pertunjukan penerbangan pesawat pejuang, demonstrasi helikopter, pesawat kawalan jauh, acara payung terjun dan Kejohanan EON Millennium Rally 2001.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, berkata selain menyaksikan persembahan serta pertunjukan, pengunjung juga berpeluang menaiki pesawat ringan yang dipandu oleh juruterbang bertauliah.

Katanya, ini sesuai untuk riadah hujung minggu bagi pelbagai lapisan masyarakat, termasuk pelancong yang tiba di negeri ini.

"Saya menjangkakan lebih 80,000 penonton bakal menggegarkan karnival yang berprestij ini sehingga mendapat perhatian dari negara luar seperti Australia, Hong Kong dan Singapura," katanya selepas Yang di-Pertua Negeri, Tun Syed Ahmad Sahabudin merasmikan Karnival Udara Antarabangsa Melaka 2001, semalam.

Karnival itu dianjurkan bersama oleh Kerajaan Negeri, Kelab Penerbangan Belia 4B, Jabatan Penerbangan Awam serta Malaysia Airports Bhd manakala penaja utama adalah Malaysian Resources Corporation Bhd, Tenaga Nasional Bhd, Petronas serta Edaran Otomobil Nasional Bhd dan New Straits Times sebagai media rasmi.

Sempena perasmian semalam, pertunjukan penerbangan dimulakan oleh lima pesawat micro-light Kelab Penerbangan Belia 4B dan diikuti pula penerbangan Cessna 172 serta Eagle XTS dari Akademi Penerbangan Malaysia.

Penonton juga dipersembahkan dengan acara payung terjun oleh anggota Para 10 Briged, orang awam serta anggota polis.

Mohd Ali berkata, karnival itu antara usaha untuk merealisasikan usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memajukan lagi bidang ujikaji pesawat.

(END)